

TAKAFULINK DANA URUS

All information as at 30 April 2024 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 30 April 2024 melainkan jika dinyatakan

Objective / Objektif Dana


Takafulink Dana Urus is a managed fund that seeks to maximise returns over medium to long term. This is achieved by investing in Shariah-approved shares and securities through Takafulink Dana Ekuiti and Takafulink Dana Sukuk and in any other such Takafulink funds that may become available in the future. Suitable for participants with moderate to high risk tolerance and medium to long term investment horizon.

Takafulink Dana Urus adalah satu dana yang diuruskan untuk memaksimumkan pulangan di dalam jangka masa sederhana ke panjang. Ia dicapai dengan pelaburan di dalam saham dan sekuriti berlandaskan Shariah melalui Takafulink Dana Ekuiti dan Takafulink Dana Sukuk serta dana-dana Takafulink yang lain yang mungkin disediakan di masa hadapan. Dana ini adalah untuk para peserta yang mempunyai daya toleransi sederhana ke tinggi dan ingin melabur di dalam jangka masa sederhana ke panjang.

Fund Details / Maklumat Terperinci Dana

Investment Manager / Pengurus Pelaburan	Eastspring AI-Wara' Investments Berhad
Inception Date / Tarikh Diterbitkan	01/12/2006
Current Fund Size / Saiz Dana Terkini	RM650,298,494.70
Annual Fund Management Charge / Caj Pengurusan Dana Tahunan	1.30% per annum
Current NAV / NAB Terkini	RM2.36989


How the Fund has performed / Prestasi Dana



Total Price Movement Over the Following Periods / Jumlah Pergerakan Harga Dalam Tempoh Tersebut

	1 month	3 months	6 months	1 year	3 years	5 years	Since Inception
Price Movement / Pergerakan Harga	2.24%	5.43%	8.54%	10.20%	1.22%	15.23%	136.99%
Benchmark / Penanda Aras	3.08%	5.86%	9.44%	10.64%	-5.60%	4.86%	69.06%
Outperformance / Perbezaan Prestasi	-0.84%	-0.43%	-0.90%	-0.44%	6.82%	10.37%	67.93%

Where the Fund invests Komposisi Pelaburan Dana



Asset Allocation Peruntukan Aset

	% NAV
1 Takafulink Dana Ekuiti	79.60
2 Takafulink Dana Sukuk	20.29
3 Cash, Deposits & Others	0.10

Takafulink Dana Ekuiti Top 10 Holdings 10 Pegangan Teratas

	%
1 Tenaga Nasional Berhad	8.43
2 IHH Healthcare Berhad	4.75
3 Telekom Malaysia Berhad	4.20
4 PETRONAS Gas Berhad	3.89
5 PETRONAS Chemicals Group Berhad	3.73
6 Press Metal Berhad	3.69
7 Sime Darby Plantation Berhad	3.63
8 TIME dotCom Berhad	3.42
9 DIALOG Group Berhad	3.18
10 Gamuda Berhad	3.13

Takafulink Dana Sukuk Top 10 Holdings 10 Pegangan Teratas

	%
1 Sarawak Energy Berhad	3.31
2 DanaInfra Nasional Berhad	2.89
3 AEON Credit Service (M) Sdn Bhd	2.67
4 YTL Power International Berhad	2.22
5 Danum Capital Berhad	2.14
6 Amlslamic Bank Berhad	2.13
7 Edra Energy Sdn Bhd	2.06
8 PONSB Capital Berhad	2.05
9 Pengurusan Air SPV Berhad	2.00
10 Projek Lebuhraya Usahasama Berhad	1.96

TAKAFULINK DANA URUS

All information as at 30 April 2024 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 30 April 2024 melainkan jika dinyatakan

Monthly Update / Laporan Bulanan Terkini

Equity Market Review

The Malaysian equity markets resumed its positive performance in April, outperforming Emerging Markets and Asia Ex-Japan, amidst the turbulence in the Middle East, recently exacerbated by the Iran-Israel conflict, and the US Fed renewed rhetoric of "higher for longer". On the 13 April 2024, Iran launched dozens of drones towards Israel, escalating tensions and setting the state for a direct military confrontation between the two nations. Thankfully, on the intervention of their allies, this de-escalated quickly post the incident. Domestically, the news for the month was the launch of the Energy Exchange (ENEGEM) by the Ministry of Energy Transition and Water Transformation, inviting interested parties to participate in the inaugural auction for purchasing green electricity from Malaysia's supply system to be supplied to Singapore. The auction will begin with a 100MW pilot run, utilizing the existing interconnection between Singapore and Peninsular Malaysia. On 25 April, EPF announced the restructuring of contributors' accounts, to introduce a new Account 3, which will allow for the flexibility of withdrawals for those members below age 55 years old starting 11 May. The FBM Emas Shariah Index closed the month at 12,085.94, up 3.8% mom. The FBM Small Cap Shariah index gained 3.49% for the month and underperformed the FBM Emas Shariah Index.

Market Outlook

Global political tensions continue to be in the limelight. The conflict in the Middle East still needs to be monitored closely as tensions could escalate easily, especially with Israel's decision to enter Hamas' stronghold in Rafah. This was despite both parties were in talks for a temporary ceasefire. In addition, we have the ongoing Russia-Ukraine conflict that has yet to see a resolution after more than 2 years. To add to the mix will be the closely watched US Presidential Elections in November 2024, and what the result could imply for US-China relations. Domestically, equity markets have performed well thus far, with investor sentiment improving running on themes relating to Johor, and NETR. Recent buying support to the equity market could be the result of funds flowing back to Malaysia with the intention to invest domestically, post the government and BNM's encouragement of GLICs and GLCs to repatriate dividends to Malaysia. The recent EPF account 3 announcement may start seeing member withdrawals as soon as 12 May 2024 onwards which could boost consumer spending. However, this could be mitigated by the expected petrol/diesel subsidy rationalization expected to be rolled out in 2H2024. The shape and form of this measure have yet to be announced. Overall, we are cautious about the potential inflationary impact of the subsidy removals, and higher commodity prices resulting in companies raising prices. The Malaysian's commitment to the boycott of goods and services from companies deemed to be in support of Israel has been strong, leading to F&B outlet closures, which may have a longer-term negative impact for investment in Malaysia and on employment opportunities for Malaysians. Nevertheless, equity markets may still be buoyant driven by the ample liquidity. Any correction in the market will provide us the opportunity to accumulate fundamentally sound stocks.

Fixed Income Market Review

The Malaysia Government Securities ("MGS") yield curve bear steepened as the long-term yields increased more than the short-term yields, broadly in-line with the trend seen in US Treasuries, albeit at smaller magnitudes. Yields were up between 6 to 17bps across the curve. The 3-, 5-, 7-, 10-, 15-, 20- and 30-year benchmarks closed at 3.61% (+13bps), 3.77% (+11bps), 3.90% (+12bps), 3.99% (+11bps), 4.06% (+6bps), 4.25% (+17bps) and 4.30% (+10bps), respectively in April 2024. The Government Investment Issue ("MGII") yield curve, however, bear flattened, with the short-end yields adjusting higher than the long-end yields, which seem to be well supported. Yields were up between 5 to 17bps across the curve. The 3-, 5-, 7-, 10-, 15-, 20- and 30-year MGII closed at 3.66% (+17bps), 3.80% (+16bps), 3.88% (+10bps), 4.00% (+14bps), 4.08% (+17bps), 4.22% (+11bps), and 4.29% (+5bps) respectively in April 2024. MGS and MGII yield curves adjusted higher in the month of April, as the sentiment towards fixed income assets was bearish. MGS term spread movements were generally mixed, widening in the 5v3 and 20v3, but tightening slightly on the 10v3 and 30v3. Term spreads, however, continue to be below their longer-term averages. Meanwhile, corporate credit spreads tightened across most tenors within the AA and A rating bands, between 2 to 8bps and 5 to 15bps, respectively. For GGs, spreads generally widened by 1 to 6bps across tenors as it was already at historical lows at end-March, except for the 20-year tenor, which remained in demand. Meanwhile, spread movements were more mixed in the AAA (tightening in the 3-, 10- and 20-year but widening in the 5-, 7- and 15-year tenors). Data released during the month showed that Malaysia's Industrial Production Index eased to +3.1% YoY in February (Jan-24: +4.3%), as manufacturing growth slowed due to the shorter month and Lunar New Year holidays. Crude Palm Oil output also slowed to +0.5% YoY (Jan-24: +1.6%), but the Distributive Trade Index posted firmer growth during the month at +3.9% YoY (Jan-24: +3.5%) reflecting pickups in the retail and wholesale trade volumes. Meanwhile, exports experienced another month of marginal decline at -0.8% YoY in March (Feb-24: -0.8% YoY), due to the drop in agriculture exports (-17.3%) offset by marginal increases in mining exports (+0.2%) and manufacturing exports (+0.7%). Meanwhile, imports accelerated to +12.5% YoY (Feb-24: +8.0% YoY). The surplus in trade balance amounted to RM12.8 billion during the month (Feb-24: RM11.2 billion). Despite being in contraction, Malaysia's manufacturing PMI rose slightly to 49.0 in April (Feb-24: 48.5), indicating that GDP growth is running at a slightly improved rate vis-à-vis end-2023. The 1Q2024 GDP advanced estimate came in at +3.9% YoY (est: +3.9%; 4Q2023: +3.0%), with the growth being broad-based across all sectors (i.e. services, manufacturing, agriculture, mining and construction). This will be supportive for the full year 2024 growth as most economists are expecting a progressively rising GDP growth in the coming quarters. Despite the increase in service tax from 6% to 8% from 1st March (except F&B and telco), the headline inflation stayed at +1.8% YoY (est: +2.0%; Feb-24: +1.8%) – while core inflation eased to +1.7% YoY (Feb-24: +1.8%). With this, headline and core inflation averaged +1.7% and +1.8% YoY, respectively in 1Q2024. There is still some upside risk to inflation given the planned rationalization in fuel subsidies but should broadly fall within the 2 - 3.5% range that BNM has projected.

Market Outlook

The next Monetary Policy Meeting ("MPC") meeting will be on 8th & 9th May with overnight policy rate ("OPR") likely to remain at 3.00% through 2024, after BNM has completed its interest rate normalisation cycle and barring some potential price upside effects over the execution of the RON95 subsidy retargeting in 2H2024 but manageable. Nonetheless, Bank Negara Malaysia ("BNM") will continue to adopt a data-dependent approach as global economic conditions remain volatile. Looking ahead, among notable data releases to watch in May are the; i) Industrial Production release on 10th May; ii) Actual 1Q2024 GDP on 17th May; iii) export and import data on 20th May; and iv) inflation rates for April on 24th May. Despite the initial poor registration rate on the Central Database Hub ("PADU"), there was a last-minute surge in the registration – hitting 58.7% on the 31st March deadlines. The Government intends to move ahead with its fuel subsidy reforms, with the Economic Minister Rafizi Ramli highlighting that they are on track to push ahead with the much-anticipated reforms by this year – in order to reach the fiscal deficit target of 4.3%. Meanwhile, slightly lower gross MGS/GII supply for 2024 should provide positive catalyst for the local fixed income market. Additionally, the market is past the heavy net supply in the first four months and will turn favorable for the remaining part of the year. However, the impact from the new Account 3 introduction from EPF warrants close monitoring, as it could potentially dampen the demand from the institution depending on the response and take-up on the one-off transfer. There will be three auctions in May including the new 20-year MGS Benchmark M5/44. The other two would be the 15-year MGII and 7-year MGS. The demand for corporate bonds and sukuk remained healthy in April, with strong bid-to-cover ratios seen on names in high demand.

Fund Review & Strategy

The Fund returned 2.24% for the month underperforming the benchmark return of 3.08% by 0.84%. Year-to-date, the fund returned 7.26% underperforming the benchmark return of 8.15% by 0.89%. The underperformance in April was due to the underperformance in the equity portion against its benchmark. As of end-April 2024, the Fund has 79.60% exposure in equities and 20.29% in sukuk with the remaining in cash, deposits & others.

TAKAFULINK DANA URUS

All information as at 30 April 2024 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 30 April 2024 melainkan jika dinyatakan

Ekuiti

Tinjauan Bulanan

Pasaran ekuiti Malaysia meneruskan pencapaian yang positif pada April, mengatasi prestasi Pasaran Memuncul dan Asia Luar Jepun, di tengah-tengah pergolakan di Timur Tengah dan usaha Fed US memperbaharui retorik "lebih tinggi untuk lebih lama". Pada 13 April 2024, Iran melancarkan berdozen-dozen dron ke arah Israel, lalu menyemarakkan ketegangan seterusnya menjerumuskan mereka ke dalam kancas konfrontasi ketenteraan antara kedua-dua negara. Hasil campur tangan sekutu masing-masing, keadaan mulai reda sejurus insiden tersebut. Di dalam negara, pelancaran Pertukaran Tenaga ("ENEGEM") oleh Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air menjadi tajuk berita utama, lalu pihak yang berminat menyertai lelongan sulung membeli tenaga elektrik hijau daripada sistem bekalan Malaysia untuk disalurkan ke Singapura. Lelongan itu akan dimulakan dengan pelancaran perintis 100MW, yang menggunakan laluan sedia ada antara Singapura dan Semenanjung Malaysia. Pada 25 April, KWSP mengumumkan penstrukturan semula akaun pencarum, lalu memperkenalkan Akaun 3 yang baharu, yang memberikan fleksibiliti buat ahli di bawah umur 55 tahun membuat pengeluaran bermula 11 Mei. Indeks FBM Emas Syariah melabuhkan tirai bulan pada 12,085.94, naik 3.8% MoM. Indeks FBM Small Cap Syariah memperoleh 3.49% pada bulan tinjauan, mengatasi prestasi Indeks FBM Emas Syariah.

Gambaran Bulanan

Ketegangan politik global terus menjadi tumpuan. Konflik di Timur Tengah masih perlu dipantau dengan teliti kerana ketegangan boleh memuncak dengan mudah, terutamanya berikutan keputusan Israel untuk menerobos kubu kuat Hamas di Rafah. Ini berlaku walaupun kedua-dua pihak sedang dalam rundingan gencatan senjata sementara. Di samping itu, kita juga dibebani oleh konflik Rusia-Ukraine yang masih belum menemui jalan penyelesaian melangkaui 2 tahun. Turut terheret ke dalam kancas ini ialah Pilihan Raya Presiden US yang menjadi perhatian khusus pada November 2024, dan pengaruh keputusannya ke atas hubungan US-China. Di dalam negeri, pasaran ekuiti menunjukkan prestasi yang memberangsangkan setakat ini, dengan sentimen pelabur yang semakin baik berdasarkan tema berkaitan Johor dan NETR. Sokongan belian ke atas pasaran ekuiti baru-baru ini mungkin hasil daripada dana yang mengalir kembali ke Malaysia dengan tujuan untuk melabur dalam negara, berikutan galakan kerajaan dan BNM ke atas GLIC dan GLC untuk mengembackkan dividen ke Malaysia. Pengumuman akaun 3 KWSP baru-baru ini mungkin menyeru ahli mengeluarkan caruman seawal 12 Mei 2024 dan seterusnya boleh menggalakkan perbelanjaan pengguna. Walau bagaimanapun, galakan ini boleh mengendur ekoran rasionalisasi subsidi petrol/diesel yang dijangka akan dilaksanakan pada 2H2024. Rupa dan bentuk langkah ini masih belum diumumkan. Secara keseluruhan, kami berwaspada tentang potensi kesan inflasi akibat pemansuhan subsidi, di samping harga komoditi yang lebih tinggi akan mendorong peniaga menaikkan harga. Komitmen rakyat Malaysia terhadap pemboikotan barangan dan perkhidmatan ke atas syarikat yang dianggap menyokong Israel tidak berbelah bahagi, lalu mengakibatkan penutupan kedai F&B, yang mungkin mempunyai kesan negatif jangka panjang ke atas pelaburan di Malaysia dan peluang pekerjaan buat rakyat Malaysia. Namun begitu, pasaran ekuiti mungkin masih rancak didorong oleh kecairan yang lebih dari mencukupi. Apa-apa pembetulan dalam pasaran akan memberi peluang untuk mengumpul saham yang mempunyai asas kukuh.

Pendapatan Tetap

Tinjauan Bulanan

Kelompok hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia ("MGS") semakin mencuram apabila hasil jangka panjang meningkat lebih daripada hasil jangka pendek, secara amnya sejajar dengan arah aliran yang dilihat dalam Perbendaharaan US, walaupun pada magnitud yang lebih kecil. Hasil meningkat antara 6 hingga 17 mata asas merentas lengkung. Penanda aras 3-, 5-, 7-, 10-, 15-, 20- dan 30 tahun masing-masing ditutup pada 3.61% (+13bps), 3.77% (+11bps), 3.90% (+12bps), 3.99% (+11bps), 4.06% (+6bps), 4.25% (+17bps) dan 4.30% (+10bps), pada April 2024. Walau bagaimanapun, kelompok hasil Terbitan Pelaburan Kerajaan ("MGI") menurun, dengan kelompok hasil akhir melaraskan lebih tinggi daripada hasil akhir panjang, yang nampaknya disokong dengan baik. Hasil meningkat antara 5 hingga 17bps merentas lengkung. MGI 3-, 5-, 7-, 10-, 15-, 20- dan 30 tahun ditutup pada 3.66% (+17 mata asas), 3.80% (+16 mata asas), 3.88% (+10 mata asas), 4.00% (+14 mata asas), 4.08% (+17 mata asas), 4.22% (+11 mata asas) dan 4.29% (+5 mata asas) pada April 2024. Kelompok hasil MGS dan MGI diselaraskan lebih tinggi pada bulan April, kerana sentimen terhadap aset pendapatan masih lesu. Pergerakan tempoh spread MGS secara keseluruhannya bercampur-campur, melebar dalam 5v3 dan 20v3, tetapi menyempit sedikit pada 10v3 dan 30v3. Tempoh spread walau bagaimanapun, terus berada di bawah purata jangka panjangnya. Sementara itu, spread kredit korporat merentas kebanyakan tenor dalam jalur penarafan AA dan A masing-masing menyempit, antara 2 hingga 8 mata asas dan 5 hingga 15 mata asas. Bagi GG, spread secara umumnya melebar 1 hingga 6 mata asas merentas tenor kerana ia sudah pun berada mencecah paras terendah sejarah pada akhir Mac, kecuali tenor 20 tahun, yang berterusan meraih permintaan. Sementara itu, pergerakan spread AAA lebih bercampur-campur (menyempit dalam 3-, 10- dan 20-tahun tetapi melebar dalam tenor 5-, 7- dan 15 tahun). Data yang dikeluarkan pada bulan ini menunjukkan bahawa Indeks Pengeluaran Perindustrian Malaysia susut kepada +3.1% YoY pada Februari (Jan-24: +4.3%), apabila pertumbuhan pembuatan diperlahankan disebabkan oleh bulan dagangan yang lebih pendek dan cuti Tahun Baru China. Pengeluaran Minyak Sawit Mentah juga menyusut kepada +0.5% YoY (Jan-24: +1.6%), tetapi Indeks Edaran Perdagangan mencatatkan pertumbuhan yang lebih kukuh pada bulan ini iaitu +3.9% YoY (Jan-24: +3.5%), mencerminkan peningkatan jumlah dagangan runcit dan borong. Sementara itu, eksport menelusuri satu lagi bulan penurunan yang kecil iaitu -0.8% YoY pada Mac (Feb-24: -0.8% YoY), berikutan penyusutan eksport pertanian (-17.3%) ditimbal oleh peningkatan kecil eksport perlombongan (+0.2%) dan eksport pembuatan (+0.7%). Sementara itu, import meningkat kepada +12.5% YoY (Feb-24: +8.0% YoY). Lebihan dalam imbangan perdagangan berjumlah RM12.8 bilion pada bulan itu (Feb-24: RM11.2 bilion). Walaupun mengecut, namun PMI pembuatan Malaysia meningkat sedikit kepada 49.0 pada April (24 Feb-24: 48.5), yang menunjukkan bahawa pertumbuhan KDNK mengembang pada kadar yang lebih baik sedikit berbanding akhir 2023. Anggaran awal KDNK 1Q2024 dicatat pada +3.9% YoY (anggaran: +3.9%; 4Q2023: +3.0%), dengan pertumbuhan menyeluruh merentas semua sektor (iaitu perkhidmatan, pembuatan, pertanian, perlombongan dan pembinaan). Ia akan menyokong pertumbuhan setahun penuh 2024 kerana kebanyakan ahli ekonomi menjangkakan pertumbuhan KDNK meningkat secara progresif pada suku akan datang. Meskipun cukai perkhidmatan dinaikkan daripada 6% kepada 8% mulai 1 Mac (kecuali F&B dan syarikat telekomunikasi), inflasi keseluruhan kekal pada +1.8% YoY (anggaran: +2.0%; Feb-24: +1.8%) – manakala inflasi teras turun kepada +1.7% YoY (Feb-24: +1.8%). Oleh itu, inflasi keseluruhan dan teras masing-masing memberikan purata +1.7% dan +1.8% YoY, pada 1Q2024. Masih ada sedikit risiko kenaikan inflasi memandangkan rancangan rasionalisasi subsidi bahan api tetapi secara amnya berada dalam julat 2 - 3.5% seperti yang diunjurkan oleh BNM.

Gambaran Bulanan

Mesyuarat Dasar Monetari ("MPC") seterusnya akan diadakan pada 8 & 9 Mei dengan kadar dasar semalaman ("OPR") berkemungkinan kekal pada 3.00% hingga 2024, selepas BNM menyempurnakan kitaran normalisasi kadar faedahnya sambil membendung sebahagian kesan kenaikan berikutan pelaksanaan penyasaran semula subsidi RON95 pada 2H2024 namun terkawal. Namun begitu, Bank Negara Malaysia ("BNM") akan terus menggunakan pendekatan yang bergantung kepada data memandangkan keadaan ekonomi global masih lagi tidak menentu. Memandang ke hadapan, antara data penting yang perlu diperhatikan pada Mei ialah; i) Keluaran Pengeluaran Perindustrian pada 10 Mei; ii) KDNK 1Q2024 sebenar pada 17 Mei; iii) data eksport dan import pada 20 Mei; dan iv) kadar inflasi bagi bulan April pada 24 Mei. Walaupun kadar pendaftaran awal yang rendah di Hab Pangkalan Data Pusat ("PADU"), namun terdapat lonjakan pendaftaran pada saat-saat akhir – mencecah 58.7% pada tarikh akhir 31 Mac. Kerajaan bercadang untuk meneruskan pembaharuan subsidi bahan api, dengan Menteri Ekonomi Rafizi Ramli menekankan bahawa Kementerian berada di landasan yang betul untuk meneruskan pembaharuan yang dinanti-nantikan tahun ini – untuk mencapai sasaran defisit fiskal sebanyak 4.3%. Sementara itu, penawaran MGS/GII kasar yang rendah sedikit bagi 2024 sepatutnya memberikan pemangkin positif buat pasaran pendapatan tetap tempatan. Selain itu, pasaran melepasi bekalan bersih yang berlebihan dalam empat bulan pertama dan akan semakin buat tahun yang berbaki. Namun begitu, impak daripada pengenalan Akaun 3 yang baharu daripada KWSP memerlukan pemantauan rapi, kerana ia berpotensi melemahkan permintaan ke atas institusi tersebut, bergantung kepada tindak balas dan pengambilan pindahan sekali sahaja. Terdapat tiga lelongan pada Mei termasuk Penanda Aras MGS M5/44 20 tahun baharu. Dua lagi ialah MGI 15 tahun dan MGS 7 tahun. Permintaan terhadap bon korporat dan sukuk kekal sihat pada April, dengan nisbah bida kepada

TAKAFULINK DANA URUS

All information as at 30 April 2024 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 30 April 2024 melainkan jika dinyatakan

perlindungan yang kukuh dilihat pada saham yang mendapat permintaan tinggi.

Tinjauan & Strategi Dana

Dana mencatat pulangan 2.24% pada bulan ini, tidak mengatasi prestasi pulangan penanda aras 3.08% dengan perbezaan 0.84%. Sejak awal tahun sehingga bulan tinjauan, Dana memulangkan 7.26%, tidak mengatasi pulangan penanda aras 8.15% dengan perbezaan 0.89%. Prestasi rendah pada April disebabkan oleh prestasi rendah bahagian ekuiti berbanding penanda arasnya. Sehingga akhir April 2024, Dana mempunyai 79.60% pendedahan dalam ekuiti dan 20.29% dalam sukuk dengan baki tunai, deposit & lain-lain.

Source / Sumber: Fund Commentary, April 2024, Eastspring Al-Wara' Investments Berhad

Disclaimer

Investments are subject to investment risks including the possible loss of the principal amount invested. The value of the units may fall as well as rise. Past performances of the funds and that of the fund managers are not necessarily indicative of future performance. The price movements indicated are not reflective of the actual return on your investments (which are subject to your premium allocation rate and deduction charges). The actual return on your invested premiums may fluctuate based on the underlying performance of the investment-linked funds. All Takafulink Dana are invested in Shariah-approved securities and/or Islamic private debt securities. This leaflet is for illustrative purposes only. For further details on the terms and conditions, please refer to the policy document. For further details on how you can invest in these funds, please refer to the respective product brochures. In the event of discrepancy between the information in this fact sheet and the policy document, the information in the policy document shall prevail.

Pelaburan adalah tertakluk kepada risiko-risiko pelaburan termasuk kemungkinan kehilangan jumlah wang pokok yang dilabur. Nilai unit mungkin naik ataupun jatuh. Prestasi masa dulu dana-dana atau pengurus-pengurus dana tidak semestinya mencerminkan prestasi masa depan. Pergerakan harga yang ditunjukkan tidak menggambarkan pulangan sebenar pelaburan anda (yang tertakluk kepada kadar peruntukan premium dan caj potongan). Pulangan sebenar ke atas premium yang anda labur mungkin berbeza, bergantung kepada prestasi dana-dana). Semua Takafulink Dana dilaburkan dalam sekuriti yang diluluskan oleh Syariah dan/atau sekuriti hutang swasta Islam. Risalah ini disediakan hanya untuk gambaran semata-mata. Sila rujuk kepada dokumen polisi untuk keterangan lanjut mengenai terma-terma dan syarat-syarat. Untuk keterangan lanjut mengenai bagaimana anda boleh melabur dalam dana-dana ini, sila rujuk kepada risalah-risalah produk yang berkenaan. Jika terdapat perbezaan di antara helaian fakta dan dokumen polisi, maklumat dalam dokumen polisi dianggap muktamad.

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL